

## **SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-38 DAN KE-39 DAN SIDANG-SIDANG KEMUNCAK BERKAITAN 26-28 OKTOBER 2021 SECARA PERSIDANGAN VIDEO**

YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia, akan mengetuai delegasi Malaysia ke Sidang Kemuncak ASEAN ke-38 dan ke-39 dan Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan yang akan diadakan pada 26 hingga 28 Oktober 2021 melalui persidangan video. Tema ASEAN di bawah Kepengerusian Brunei Darussalam bagi tahun 2021 ialah "We Care, We Prepare, We Prosper".

YAB Perdana Menteri akan diiringi oleh YB Dato' Saifuddin Abdullah, Menteri Luar Negeri, dan YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta pegawai-pegawai kanan kerajaan dari Pejabat Perdana Menteri, Kementerian Luar Negeri dan MITI.

Semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-38, pemimpin-pemimpin ASEAN dijangka akan membincangkan hala tuju ASEAN dan usaha membina komuniti ASEAN serta inisiatif utama ASEAN terhadap COVID-19. Selain itu, semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-39 pula, pemimpin-pemimpin ASEAN akan bertukar pandangan mengenai hubungan luar, isu-isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan.

Pemimpin-pemimpin ASEAN juga akan menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Campur Satu dengan para Pemimpin dari Australia, China, India, Jepun, Republik Korea (ROK), Rusia, Amerika Syarikat, Sidang Kemuncak ASEAN Campur Tiga dan Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS).

Di sela-sela Sidang-sidang Kemuncak ASEAN, YAB Perdana Menteri akan diiringi oleh YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) bagi menyertai Sidang Kemuncak Kawasan Pertumbuhan Timur ASEAN Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina Ke-14 (Sidang Kemuncak BIMP-EAGA) dan Sidang Kemuncak Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand ke-13 (Sidang Kemuncak IMT-GT ke-13) pada 28 Oktober 2021. YAB Perdana Menteri akan mempengerusikan Sidang Kemuncak IMT-GT ke-13.

Penyertaan Malaysia dalam Sidang-sidang Kemuncak ASEAN pada kali ini mencerminkan komitmen yang teguh terhadap ASEAN terutamanya dalam ketika rantau ini masih bergelut dengan cabaran-cabaran berikutan pandemik COVID-19.

**PUTRAJAYA**

**25 Oktober 2021**